

NO. SOALAN : 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2015

SOALAN :

YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) pelan tindakan yang dirancang oleh Kementerian dalam mempergiatkan promosi sektor pelancongan negara selain daripada penghapusan visa kepada negara tertentu; dan
- (b) statistik terbaharu kawasan yang mencatatkan penerimaan pelancong paling tinggi dan statistik kemasukan pelancong asing ke Malaysia sejak penurunan mata wang Ringgit.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan tindakan yang dirancang oleh Kementerian dalam mempergiatkan promosi sektor pelancongan negara selain daripada penghapusan visa kepada negara tertentu adalah seperti berikut :-

1. Mengekalkan dan mengembangkan ketibaan pelancong dari pasaran ASEAN;
2. Mempelbagaikan campuran dalam pasaran minat khas, pasaran geografi, demografi pasaran;
3. Menembusi bandar-bandar di peringkat kedua dan ketiga (*2nd and 3rd Tier Cities*);
4. Memudahkan dan menyokong usaha meningkatkan kemudahsampaian melalui udara;
5. Mempertingkatkan aktiviti promosi dan pemasaran dwi-destinasi;
6. Memperhebatkan promosi acara kebudayaan dan aktiviti pelancongan;
7. Meningkatkan penggunaan media sosial untuk pemasaran dan berhubung dengan pengguna;
8. Melaksanakan kempen taktikal yang lebih efektif memandangkan kekangan kewangan dan langkah-langkah penjimatan kos;
9. Melibatkan diri dalam perkongsian pintar;
10. Mewujudkan Pusat Komunikasi Krisis berdedikasi untuk pelancongan;
11. Meningkatkan potensi pelancongan Islam ke Malaysia; dan

12. Mengukuhkan potensi pelancongan dalam negeri.

Pengumpulan data ketibaan pelancong asing ke Malaysia dibuat berdasarkan pemeriksaan paspot (*passport scanning*) di pintu-pintu masuk di negara ini. Pergerakan seseorang pelancong asing ke negeri-negeri di Malaysia tidak direkodkan kecuali di Sabah dan Sarawak. Walaubagaimanapun, bilangan penginap hotel antarabangsa yang menginap di hotel di setiap negeri di Malaysia boleh digunakan sebagai petunjuk. Berikut merupakan statistik kawasan yang mencatatkan penerimaan pelancong asing paling tinggi mengikut negeri sehingga bulan Mac 2015 :-

Januari - Mac 2015

No.	Negeri	Jumlah
1.	Kuala Lumpur	2,024,308
2.	Pulau Pinang	696,412
3.	Pahang	659,236
4.	Sabah	573,540
5.	Johor	528,837
6.	Selangor	378,480
7.	Kedah	339,037
8.	Melaka	293,907
9.	Sarawak	130,707
10.	Negeri Sembilan	80,428

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2015, Malaysia telah menerima seramai **12.57 juta** orang pelancong asing iaitu penurunan sebanyak **9.4 peratus** berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2014 iaitu seramai **13.88 juta** orang pelancong asing.

Jumlah ketibaan pelancong asing dari 10 pasaran utama ke Malaysia pada pertengahan pertama tahun 2015 adalah Singapura, Indonesia, China, Thailand, Brunei, India, Filipina, Australia, Jepun dan United Kingdom seperti yang berikut:-

No	Negara	Ketibaan Pelancong Asing Bagi Tempoh Januari - Jun	
		2014	2015
1.	Singapura	7,095,067	6,392,155
2.	Indonesia	1,354,529	1,313,886
3.	China	850,877	751,383
4.	Thailand	683,482	654,535
5.	Brunei Darussalam	599,831	553,412
6.	India	392,448	378,654
7.	Filipina	316,656	293,024
8.	Australia	296,262	230,427
9.	Jepun	267,087	223,998
10.	United Kingdom	231,022	201,814

Sekian, terima kasih.